

**SOALAN LAZIM PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2019
PENGUKUHAN PELAKSANAAN PEMBERIAN ELAUN DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
Penambahbaikan Penjelasan Prinsip Pemberian Elaun		
1.	Apakah penambahbaikan penjelasan prinsip pemberian elaun dalam Pekeliling ini berbanding yang dinyatakan dalam Sistem Saraan Baru (SSB) dan Sistem Saraan Malaysia (SSM)?	Pekeliling ini memperkemaskan penjelasan mengenai empat (4) prinsip pemberian elaun iaitu prinsip Tidak Sejangat, Tidak Biasa, Tidak Kekal dan Kesaksamaan yang telah ditetapkan dalam SSB dan SSM. Ini bagi membolehkan pegawai faham mengenai asas-asas pertimbangan sesuatu keputusan yang dibuat Kerajaan berkaitan pemberian elaun tersebut yang melibatkan pewujudan, pemanjangan, penggabungan dan pemansuhan elaun termasuk pindaan nama, syarat dan kadar.
2.	Adakah keempat-empat prinsip perlu dipenuhi sebelum Kerajaan mempertimbangkan sesuatu pemberian elaun?	Prinsip-prinsip tersebut digunakan dalam mempertimbangkan permohonan pewujudan elaun baharu atau pemanjangan pemberian elaun sedia ada. Setiap prinsip menjelaskan asas pertimbangan atau justifikasi mengapa sesuatu elaun berkenaan diberi kepada sesuatu perkhidmatan, kumpulan atau gred-gred tertentu. Sebagai contoh, dalam mempertimbangkan pewujudan elaun baharu, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) boleh mempertimbang pewujudan elaun baharu di atas satu atau lebih daripada satu prinsip pemberian elaun berkenaan.
3.	Selain daripada prinsip kesaksamaan (fairness) yang dinyatakan, apakah elemen-elemen lain yang diambil kira dalam	Prinsip Kesaksamaan bermaksud pemberian elaun tidak terhad kepada mana-mana kumpulan perkhidmatan, dan boleh dipanjangkan kepada pegawai lain yang layak. Namun demikian, prinsip ini tidak sewajarnya

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
	<p>pemanjangan pemberian sesuatu elaun?</p>	<p>digunakan tanpa had. Dalam keadaan tertentu, ia hendaklah digunakan secara berhemah dan bijaksana berdasarkan kepentingan perkhidmatan.</p> <p>Penentuan kelayakan pegawai lain tersebut pula adalah berdasarkan kepada elemen-elemen tambahan termasuklah kriteria tugas yang dijalankan pegawai berkenaan, serta pemanjangan elaun memenuhi instrumen elaun yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, elaun yang dibayar atas kriteria kesusahan di mana sesuatu tugas itu menyebabkan pegawai susah dan memerlukan usaha yang berterusan berbanding dengan pegawai lain yang berada di gred, skim perkhidmatan atau perkhidmatan yang sama dengannya. Dalam hal ini, jika tugas pegawai menepati kriteria dan mencapai pemarkahan melebihi ambang (threshold) markah instrumen elaun, maka pegawai mempunyai asas yang kukuh untuk dipertimbang bagi menerima bayaran elaun tersebut.</p>
<p>Penetapan Kriteria dan Jenis Pemberian Elaun</p>		
4.	<p>Bilakah kriteria elaun ini digunakan dalam mempertimbangkan sesuatu pemberian elaun?</p>	<p>Kriteria elaun digunakan dalam mempertimbang permohonan pewujudan elaun baharu dan pemanjangan elaun sedia ada. Selain itu, kriteria-kriteria elaun juga digunakan dalam kajian semakan semula syarat dan kadar elaun serta kajian pengukuhan dan pengemaskinian elaun sedia ada untuk memastikan elaun tersebut masih relevan dan bersesuaian dengan kehendak semasa serta berupaya meningkatkan produktiviti dan prestasi pegawai.</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
5.	Mengapa kriteria dan jenis elaun sedia ada perlu diperkemaskan?	<p>Sebelum berkuat kuasanya Pekekliling ini, terdapat kriteria yang bertindih di antara satu sama lain dan terdapat juga kriteria yang tidak selari dengan tujuan sebenar pemberian sesuatu elaun. Penyelarasan semula kriteria-kriteria ini dibuat untuk menyeragamkan asas pemberian elaun dan membolehkan jenis elaun ditetapkan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Imbuan Tetap atau Bayaran Imbuan adalah dua (2) jenis elaun yang diberi berasaskan kos sara hidup; ii) Elaun atau Bayaran Balik adalah dua (2) jenis elaun yang diberi berasaskan tanggungjawab tambahan dan bayaran balik perbelanjaan; dan iii) Bayaran Insentif adalah sejenis elaun yang diberi berasaskan tujuh (7) kriteria iaitu risiko kerja; kesusahan; kepakaran; kemahiran atau kompetensi tambahan; keanehan atau kejelikan tugas; kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan; dan galakan.
Pemansuhan Elaun		
6.	Mengapakah elaun-elaun seperti di perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan ini dimansuhkan?	<p>Sebanyak sembilan (9) elaun dimansuhkan kerana elaun tidak lagi relevan dan/ atau tiada lagi pegawai yang dibayar elaun berkenaan berdasarkan rekod maklumat. Elaun-elaun tersebut adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Bayaran Insentif Angkat Najis; ii) Bayaran Insentif Menaip Jawi; iii) Elaun Keraian kepada Setiausaha Sulit dan Setiausaha Sulit Kanan; iv) Elaun Khas Penolong Pemungut Hasil Tanah;

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		v) Elaun Operator Generator Elektrik; vi) Elaun Penyelia Bilik Taip; vii) Elaun Tilikan Trigonometric Observation; viii) Insentif Profisiensi Bahasa Inggeris; dan ix) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal.
7.	Apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya masih ada pegawai yang melaksanakan tugas secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan dibayar elaun yang telah dimansuhkan melalui Pekeliling ini?	Sila berhubung dengan Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sekiranya masih terdapat pegawai yang melaksanakan tugas secara Khas Untuk Penyandang (KUP) berkaitan elaun-elaun yang dimansuhkan dalam Pekeliling ini.
Pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK)		
8.	Apakah definisi Perkhidmatan Kritikal?	Perkhidmatan Kritikal didefinisikan sebagai perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh Kerajaan, mempunyai ciri-ciri penawaran yang rendah serta pengisian jabatannya sukar dilakukan .
9.	Mengapakah BIPK dimansuhkan?	Untuk makluman, BIPK mula diwujudkan semasa pelaksanaan SSB pada tahun 1992. Berdasarkan laporan SSB, Kajian BIPK secara berterusan hendaklah dilaksanakan setiap lima (5) tahun bagi menentukan kewajaran pemberiannya. Dari segi prinsipnya, pemberian BIPK adalah tidak kekal serta boleh ditarik balik apabila skim-skim perkhidmatan berkenaan tidak lagi kritikal.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>Semenjak diwujudkan mulai tahun 1992, kajian BIPK telah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali iaitu pada tahun 1997, tahun 2001 dan yang terakhir ialah pada tahun 2007. Pada tahun 2007, Kerajaan telah memaklumkan kedudukan terkini Perkhidmatan Kritikal dan kaedah pelaksanaan BIPK adalah melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 yang berkuat kuasa 1 Januari 2008.</p> <p>Selepas semakan kali terakhir pada 2007, kajian terbaharu dilaksanakan pada 2019 dan didapati kesemua 33 skim perkhidmatan yang diperuntukkan dengan BIPK tidak lagi menepati kriteria pemberian asal BIPK iaitu mempunyai ciri-ciri penawaran yang rendah serta pengisian jawatan sukar dilakukan. Atas sebab itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Pembaharuan Perkhidmatan Awam (JKK-PPA) Bilangan 1 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri memutuskan supaya BIPK perlu dikekalkan kepada penerima sedia ada mengikut kadar sedia ada, walau bagaimanapun bersetuju tiada pemberian BIPK kepada pegawai lantikan baharu.</p> <p>Sehubungan itu, mulai 1 Januari 2020, pegawai lantikan baharu ke skim-skim perkhidmatan yang terlibat tidak lagi diperuntukkan dengan BIPK.</p>
10.	Apakah kesan pemansuhan BIPK kepada penerima sedia ada?	<p>Penerima BIPK sedia ada tidak terjejas dalam urusan pemansuhan ini dan akan terus menikmati pembayaran BIPK secara Khas Untuk Penyandang (KUP) mengikut kadar sedia ada yang dinyatakan dalam SPP 17 Tahun 2007 sehingga meninggalkan perkhidmatan.</p> <p>Kadar yang ditetapkan dalam SPP Bilangan 17 Tahun 2007 adalah seperti berikut:</p>

BIL.	SOALAN	PENJELASAN								
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="920 309 1182 368">Kumpulan</th> <th data-bbox="1182 309 2031 368">Kadar BIPK (sebulan)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="920 368 1182 743" rowspan="2">P&P</td> <td data-bbox="1182 368 2031 419">5% daripada gaji pokok</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1182 419 2031 743">10% (Jururawat di bawah urusan tukar lantik ke Kumpulan P&P atau skim perkhidmatan Pengajar) RM750 <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan • Pegawai Pergigian • Pensyarah Perubatan • Pensyarah Farmasi </td> </tr> <tr> <td data-bbox="920 743 1182 836" rowspan="2">Pelaksana</td> <td data-bbox="1182 743 2031 794">10% daripada gaji pokok</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1182 794 2031 836">15% (Jururawat)</td> </tr> </tbody> </table>	Kumpulan	Kadar BIPK (sebulan)	P&P	5% daripada gaji pokok	10% (Jururawat di bawah urusan tukar lantik ke Kumpulan P&P atau skim perkhidmatan Pengajar) RM750 <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan • Pegawai Pergigian • Pensyarah Perubatan • Pensyarah Farmasi 	Pelaksana	10% daripada gaji pokok	15% (Jururawat)
Kumpulan	Kadar BIPK (sebulan)									
P&P	5% daripada gaji pokok									
	10% (Jururawat di bawah urusan tukar lantik ke Kumpulan P&P atau skim perkhidmatan Pengajar) RM750 <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan • Pegawai Pergigian • Pensyarah Perubatan • Pensyarah Farmasi 									
Pelaksana	10% daripada gaji pokok									
	15% (Jururawat)									
11.	Bagaimanakah urusan BIPK bagi lantikan baharu mulai 1 Januari 2020?	<p>BIPK adalah dimansuhkan bagi 33 skim perkhidmatan yang terlibat mulai 1 Januari 2020. Sehubungan itu, lantikan baharu pegawai ke skim-skim perkhidmatan berkenaan tidak lagi diperuntukkan dengan BIPK.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, bagi pegawai yang berkhidmat secara kontrak, sekiranya tarikh tamat kontrak dan pelantikan semula melalui kontrak baharu pegawai adalah secara terus-menerus dan tidak terputus tempoh perkhidmatannya, maka pegawai layak untuk terus menerima BIPK.</p>								
12.	Saya adalah Jururawat yang telah mula Cuti Bersalin pada 8 Ogos 2019 selama 3 bulan dan diluluskan Cuti Menjaga Anak selama 6 bulan.	Walaupun BIPK dimansuhkan mulai 1 Januari 2020, ia tidak melibatkan pegawai sedia ada dalam perkhidmatan kerana pegawai akan terus menerima BIPK secara KUP sehingga meninggalkan perkhidmatan. Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan, pemberhentian bayaran								

BIL.	SOALAN	PENJELASAN												
	Mengambil kira cuti saya adalah melebihi 28 hari berturut-turut, maka BIPK saya diberhentikan. Adakah pemansuhan BIPK mulai 1 Januari 2020 memberi kesan kepada saya menyebabkan saya tidak lagi layak menerima BIPK?	BIPK puan akan tamat dan akan dibayar mulai hari pertama puan kembali bertugas.												
13.	Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Laut dan Pegawai Laut diperuntukkan dengan BIPK. Jika Penolong Pegawai Laut telah melepasi semua syarat PSL dan telah dilantik ke Pegawai Laut selepas tarikh kuat kuasa BIPK, adalah pegawai layak untuk mendapat BIPK?	<p>Terdapat beberapa skim perkhidmatan yang diperuntukkan dengan BIPK mempunyai hubungan atas bawah di peringkat penolong pegawai dan pegawai, dan skim perkhidmatan ini diperuntukkan dengan perbekalan PSL. Merujuk kepada persoalan yang dikemukakan, pemberian BIPK adalah layak diperuntukkan kepada pegawai yang dilantik secara PSL sahaja selepas tarikh tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini dan hanya melibatkan keadaan seperti dalam jadual di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="920 911 2033 1394"> <thead> <tr> <th data-bbox="920 911 1473 1070">Situasi</th> <th data-bbox="1473 911 1756 1070">Pelantikan melalui PSL selepas 1.1.2020</th> <th data-bbox="1756 911 2033 1070">Pelantikan Biasa selepas 1.1.2020</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="920 1070 1473 1193">Penolong Pemeriksa Kapal Terbang ke Pemeriksa Kapal Terbang</td> <td data-bbox="1473 1070 1756 1193">Layak</td> <td data-bbox="1756 1070 2033 1193">Tidak</td> </tr> <tr> <td data-bbox="920 1193 1473 1316">Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara ke Pegawai Kawalan Trafik Udara</td> <td data-bbox="1473 1193 1756 1316">Layak</td> <td data-bbox="1756 1193 2033 1316">Tidak</td> </tr> <tr> <td data-bbox="920 1316 1473 1394">Penolong Pegawai Laut ke Pegawai Laut</td> <td data-bbox="1473 1316 1756 1394">Layak</td> <td data-bbox="1756 1316 2033 1394">Tidak</td> </tr> </tbody> </table>	Situasi	Pelantikan melalui PSL selepas 1.1.2020	Pelantikan Biasa selepas 1.1.2020	Penolong Pemeriksa Kapal Terbang ke Pemeriksa Kapal Terbang	Layak	Tidak	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara ke Pegawai Kawalan Trafik Udara	Layak	Tidak	Penolong Pegawai Laut ke Pegawai Laut	Layak	Tidak
Situasi	Pelantikan melalui PSL selepas 1.1.2020	Pelantikan Biasa selepas 1.1.2020												
Penolong Pemeriksa Kapal Terbang ke Pemeriksa Kapal Terbang	Layak	Tidak												
Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara ke Pegawai Kawalan Trafik Udara	Layak	Tidak												
Penolong Pegawai Laut ke Pegawai Laut	Layak	Tidak												

BIL.	SOALAN	PENJELASAN		
		Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera ke Pemeriksa Kilang dan Jentera	Layak	Tidak
		Jururawat ke Pengajar	Layak	Tidak
		Penolong Pegawai Perubatan ke Pengajar	Layak	Tidak
14.	<p>Saya adalah seorang Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera sedang menerima BIPK. Saya telah memohon jawatan Jurutera dan telah ditemu duga pada Disember 2019. Sekiranya dilantik selepas tarikh kuat kuasa ini, adalah saya layak menerima BIPK kerana skim perkhidmtan Jurutera juga diperuntukkan dengan BIPK?</p>	<p>Melalui semakan didapati tiada perbekalan PSL daripada Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera ke jawatan Jurutera. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan, didapati pelantikan tuan ke jawatan Jurutera adalah secara pelantikan baharu. Sehubungan itu, tuan tidak layak menerima BIPK selaras dengan keputusan Kerajaan melalui Mesyuarat JKK-PPA Bilangan 1 Tahun 2019 yang menetapkan tiada pemberian BIPK kepada pegawai lantikan baharu.</p>		
15.	<p>BIPK layak diberi kepada pegawai yang memenuhi kesemua syarat seperti di Perenggan 7, SPP Bilangan 17 tahun 2007. Sekiranya seseorang pegawai menerima BIPK namun skop fungsi bidang tugas beliau adalah tidak menepati skop fungsi tugas skim perkhidmatan, adakah mereka layak menerima BIPK selepas pemansuhan dikuatkuasakan?</p>	<p>Syarat pembayaran BIPK telah jelas menyatakan bahawa hanya pegawai yang memenuhi kesemua syarat yang telah ditetapkan seperti di perenggan 7 sahaja yang layak menerima BIPK. Syarat pemberian BIPK adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) mempunyai kelayakan/ kelulusan yang disyaratkan dalam skim-skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal; (ii) dilantik sebagai pegawai tetap/ sementara/ kontrak (pegawai kontrak dari dalam dan luar negara) dalam perkhidmatan- 		

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
		<p>perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal;</p> <p>(iii) berada dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan; dan</p> <p>(iv) menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimilikinya untuk menjalankan skop fungsi bidang tugas skim perkhidmatan yang telah ditetapkan sebagai Perkhidmatan Kritikal.</p> <p>Sehubungan itu, sekiranya keadaan yang bertentangan yang telah berlaku, maka pembayaran BIPK adalah tidak teratur dan hendaklah dihentikan serta-merta. Ketua Jabatan hendaklah menilai dan meneliti semula sama ada terdapat keadaan yang berlaku yang menyebabkan pegawai tidak lagi layak menerima BIPK kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika pegawai yang sama telah ditempatkan di jawatan yang melaksanakan skop fungsi tugas perkhidmatan kritikal, maka pegawai tersebut layak menerima BIPK bermula pada hari pertama beliau menjalankan tugas berkenaan.</p>
Pindaan Nama Elaun		
16.	Mengapakah nama-nama elaun dipinda?	Elaun-elaun dipinda nama untuk disesuaikan dengan kriteria dan jenis elaun berkenaan. Selain itu, pindaan nama dibuat supaya nama elaun lebih jelas menggambarkan fungsi pemberian elaun terbabit dan spesifik kepada perkhidmatan, kumpulan atau gred-gred tertentu yang menerimanya.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
Penggabungan Elaun		
17.	Mengapakah elaun-elaun digabungkan?	Elaun-elaun yang mempunyai ciri-ciri persamaan termasuklah asas pemberian, skop fungsi tugas yang melayakkan pembayaran elaun, syarat-syarat khusus dan/ atau kadar yang sama digabungkan untuk mengurangkan bilangan elaun yang berkuat kuasa bagi memperkemas seliaan elaun-elaun Perkhidmatan Awam di peringkat Agensi Pusat dan jabatan.
Penyeragaman Syarat Umum Kelayakan		
18.	Mengapakah syarat umum pemberian elaun diseragamkan?	Syarat-syarat umum ini adalah terpakai kepada 91 elaun sedia ada dan diseragamkan di bawah satu punca kuasa iaitu dalam Pekeliling ini bagi memudahkan rujukan pemakaian syarat umum kelayakan pembayaran elaun berkenaan.
19.	Terdapat kekeliruan berhubung pemberhentian pembayaran elaun berdasarkan syarat tempoh Cuti Rehat atau cuti selain Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut sama ada elaun diberhentikan pembayarannya pada hari ke-28 atau ke-29?	Pembayaran elaun akan diberhentikan pada hari ke-29.

BIL.	SOALAN	PENJELASAN
Pemakaian Pekeliling		
20.	Adakah Pihak Berkuasa Berkanun boleh meminda/ menerima pakai sebahagian sahaja Pekeliling Perkhidmatan ini?	Tidak boleh. Semua agensi berkaitan perlu menerima pakai keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan ini.